

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

HMT 504 - Morfologi dan Sintaksis Lanjutan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA [5]** soalan di dalam **LIMA [5]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **EMPAT [4]** soalan sahaja. Setiap soalan diberi nilai markah yang sama.


1. Analisis set ayat pasif-*di* yang berikut ini dengan menggunakan kerangka teori Prinsip & Parameter.

(Nota: Pastikan konsep-konsep seperti peranan-θ, penandaan Kasus, penandaan-θ, gerak-FN & kekangannya, Prinsip Unjurian Tambahan (*EPP*), representasi dalaman, representasi luaran dll. diambil kira pada setiap derivasi)

Data:

- [i] Kereta itu akan dicuci oleh budak itu.
- [ii] Kereta itu akan dicuci budak itu.
- [iii] Kereta itu akan dicucinya.
- [iv] Kereta itu akan dicuci.
- [v] *Akan dicuci kereta itu budak itu.
- [vi] Akan dicuci kereta itu oleh budak itu.
- [vii] Akan dicuci oleh budak itu kereta itu.
- [viii] Akan dicucinya kereta itu.
- [ix] Kereta itu akan dicuci.

2. [a] Perhatikan rajah pohon di bawah ini, dan nyatakan **hubungan struktural** di antara sesama konstituen yang terdapat di dalamnya berdasarkan **konsep perintah-k (c-command)**



- [b] Dengan menggunakan konsep dalam (a) dan prinsip-prinsip teori Tambatan (Chomsky 1986), analisis set data yang berikut ini. (Hujahan mestilah disertai dengan rajah pohon)

Data:

- [i] Ahmad_i membenci dirinya sendiri_i.
- [ii] Ali_i tahu Ahmad_j membenci dirinya sendiri *_{i/j/}.
- [iii] *Dirinya sendiri membenci.
- [iv] *Ali_i tahu dirinya sendiri_i membenci Ahmad_j.
- [v] Siti_i mahu mencederakan dirinya sendiri_i.
- [vi] Ahmad_i membencinya *_{i / j}.
- [vii] Ali_i tahu Ahmad_j membencinya_{i/ *j/ k}.
- [viii] [Bapa Suraya_j] _i memperkenalkan dirinya sendiri_{i / *j}.
- [ix] Samad_i mahu [bapa Suraya_k] _j memperkenalkan dirinya sendiri *_{i / j / *k}.
- [x] Samad_i mahu [bapa Suraya_k] _j memperkenalkannya _{i / *j / k / l}.
- [xi] Rahim_i percaya bahawa dia_{i/ j} akan lulus dalam ujian memandu itu.

3. [a] Berikan erti **syarat subjasensi**

[b] Tunjukkan bagaimana operasi yang membabitkan **gerak-wh** dalam ayat-ayat (ib), (iib), (iiib) dan (ivb) dalam data yang berikut ini dikatakan melanggar syarat subjasensi.

Data:

- (ia) Maria membuat dakwaan bahawa Samad minum racun.
- (ib) *Apakah yang dibuat oleh Maria tentang dakwaan bahawa Samad minum? (*Complex NP Constraint*)
- (iia) Bahawa sekumpulan pemuda makan daging khinzir mengecewakan banyak pihak. (*Sentential Subject Constraint*)
- (iib) *Apakah yang bahawa sekumpulan pemuda makan mengecewakan banyak pihak?
- (iiia) Rahman suka berenang dan bermain golf. (*Coordinate Structure Constraint*)
- (iiib) *Apakah yang Rahman suka berenang dan?
- (iva) Jamil tertanya-tanya mengapa Kamal minum racun. (*Wh-Island*)
- (ivb) *Apakah yang Jamil tertanya-tanya mengapa Kamal minum?

4. [a] Pilih EMPAT predikat di bawah ini dan berikan **masukan leksikalnya**.

(Nota: Berikan maklumat sintaksis sahaja dan pastikan fitur pembeza bagi kategori leksikal, bingkai subkategorisasi, dan grid-θ/peranan tematik diambil kira. Data yang relevan untuk memperkenalkan maklumat sintaksis bagi setiap predikat yang anda pilih itu mestilah disertakan.)

fikir
menjadi
bangga
mengetahui
yakin
bimbang
meletakkan
mendudukkan

- [b] Merujuk kepada jawapan anda tentang jenis kategori leksikal, bagi setiap predikat yang anda pilih itu, berikan justifikasinya.
- [c] Berdasarkan maklumat yang anda perolehi daripada (a) nyatakan maklumat yang dibawa oleh syarat subkategorisasi dan grid-θ? Berikan alasan mengapa lebih baik dikenalkan grid-θ daripada syarat subkategorisasi dalam model tatabahasa yang kita gunakan.

5. [a] Berikan representasi luaran bagi setiap ayat di bawah ini dengan menggunakan (a) rajah pohon dan (b) kurungan berlabel
- [i] Fatimah memberikan kuih itu kepada Ali.
- [ii] Hassan mengacau bubur itu dengan sudu yang dibeli oleh ibu.
- [iii] Siti fikir Ahmad sudah menyiapkan kerja itu.
- [b] Berikan derivasi bagi setiap ayat di bawah ini. Anda dikehendaki memberikan representasi dalaman dan luaran, dan memberikan justifikasi terhadap sebarang transformasi yang terbabit.
- [i] Arif telah menendang bola itu.
- [ii] Bola itu telah ditendang oleh Adnan.
- [iii] Dimanakah Azman menalipon gadis itu?

-- oo000oo --